

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98**

FEBRUARI 1998

RPK 558 - Perundangan dan Pentadbiran Perancangan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja:- Jawab **DUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **DUA** soalan dari **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A (Jawab **DUA** soalan sahaja)

1. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 memperkenalkan Sistem Rancangan Pemajuan.
 - (a) Bezakan di antara Sistem Rancangan Pemajuan dalam Akta 1976 dengan Sistem Rancangan 5 Tahun Malaysia.

(9 markah)
 - (b) Huraikan ciri-ciri model rationaliti dalam perancangan yang telah diterapkan dalam kaedah penyediaan Sistem Rancangan Pemajuan.

(8 markah)
 - (c) Bincangkan perbezaan-perbezaan utama di antara Sistem Rancangan Pemajuan dengan Pelan Bandar Am (Enakmen Lembaga Bandaran CAP 137).

(8 markah)
- (25 markah)**

2. Pentadbiran perancangan bandar mempunyai tiga peringkat, iaitu persekutuan, negeri dan tempatan.

(a) Bincangkan peranan dan fungsi setiap peringkat organisasi pentadbiran perancangan bandar.

(12 markah)

(b) Berdasarkan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976, jelaskan siapa atau badan apakah yang ditakrifkan sebagai Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan.

(7 markah)

(c) Bincangkan peranan dan kuasa Jawatankuasa Perancang Negeri dalam konteks 3 peringkat pentadbiran perancangan bandar.

(6 markah)

(25 markah)

3. Bincangkan secara ringkas, perkara-perkara berikut:

(a) Ideologi kepentingan Awam dalam undang-undang perancangan bandar.

(5 markah)

(b) Kesahihan syarat-syarat perancangan.

(5 markah)

(c) Maksud "Pembangunan" seperti dalam Akta PBD 1976.

(5 markah)

(d) Flexibiliti dalam Sistem Rancangan Pemajuan.

(5 markah)

(e) Peranan dan fungsi Pengarah Jabatan Perancangan Desa Negeri seperti diperuntukkan dalam Akta PBD 1976.

(5 markah)

(25 markah)

BAHAGIAN B (Jawab DUA soalan sahaja)

4. Bincangkan sebab pindaan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Akta (127) dan apakah kesannya kepada perancangan dan pengurusan alam sekitar di Malaysia.

(25 markah)

5. Huraikan struktur pentadbiran alam sekitar di Malaysia dan bincangkan kesannya kepada pengurusan alam sekitar di peringkat Negeri.

(25 markah)

6. Anda seorang perancang bandar yang telah ditugaskan untuk mengenalpasti kawasan/tapak untuk melaksanakan projek awam. Bincangkan langkah-langkah yang perlu diambil mengikut Kanun Tanah Negara Akta 56/1965 dan pindaannya, dan apakah kesannya?

(25 markah)

-ooo00ooo-

